

EON serah SAVVY 1.2 untuk penyelidikan UMP

Star Hutan sum 27/7/07 pg: P3



Datuk Syed Hisham (dua kiri) menyerahkan replika kunci SAVVY 1.2 kepada Dr Mohamed Said (dua kanan) sambil disaksikan Shaikh Nasir (kiri).

ZULKHAIRIL ZAINUDDIN

GAMBANG - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sebuah kenderaan Proton SAVVY 1.2 daripada Edaran Otomobil Nasional (EON) melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) bagi tujuan penyelidikan Motorized Battery Operated Vehicles Proto (MBOV).

Pengarah Urusan EON Berhad, Datuk Syed Hisham Syed Wazir sendiri menyampaikan kenderaan tersebut dan diterima oleh Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela di kampus UMP, semalam.

Penyelidikan tersebut merupakan hasil cetusan idea sekumpulan staf UMP yang telah mengikuti kursus jangka pendek pada tahun 2004 di Zull Design Autronic, Rawang.

Pada 21 Februari lalu, FKEE berjaya melancarkan prototaip dengan fabrikasi sendiri yang dinamakan MBOV-1 dan dilancarkan oleh mantan Timbalan Naib Canselor (Akademi & Antarabangsa), Profesor Datuk Dr. Mortaza Mohamed yang pada ketika itu merupakan Timbalan Rektor Akademi & Pengantarabangsaan.

Berikutan kejayaan tersebut, sekumpulan penyelidik terus mengorak langkah melakukan kajian dengan mengenal pasti beberapa kelemahan yang terdapat pada MBOV - 1.

Menurut Dr. Mohamed Said, dengan keadaan harga petrol

yang tidak menentu dan juga keperluan bagi mengurangkan pencemaran udara, penyelidikan MBOV adalah begitu tepat dengan keperluan teknologi masa hadapan terutamanya dengan teknologi kereta elektrik, kereta hybrid dan fuel cell.

"Saya berharap dengan adanya model kereta yang dihadiahkan EON Berhad, ia dapat menyemarakkan lagi kumpulan penyelidik MBOV untuk meningkatkan kualiti penyelidikan mereka di dalam menghasilkan kereta sebenar menggunakan kuasa elektrik sebagai tenaga penggerak," katanya.

Manakala Syed Hisham berkata, EON amat berbangga dengan usaha sama yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak dan berharap ia merupakan satu permulaan positif untuk membina kerjasama erat terutamanya kepada industri automotif negara.

Dekan FKEE, Profesor Madya Shaikh Nasir Shaikh Abdul Rahman pula berkata, penyelidik telah memohon UMP melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk melakukan kajian lanjutan mengenai projek itu.

"Kami telah berjaya meyakinkan pihak RMC mengenai prospek kajian ini dan berjaya memperoleh peruntukan berjumlah RM81,700 untuk tempoh setahun bagi menjalankan penyelidikan," katanya.

Beliau menjelaskan antara aspek utama yang ditekankan dalam kajian lanjutan itu ialah masa mengecas bateri yang lebih lama sehingga 12 jam, pemilihan casis yang lebih dinamik, reka bentuk sistem tenaga, pemilihan pemicu motor yang lebih lasak dan juga mereka bentuk sistem kawalan dan pendawai elektrik.

Sebagai Dekan, Shaikh Nasir berharap penyerahan kenderaan itu dapat membantu UMP di dalam mencapai beberapa objektif seperti membina hubungan baik dengan pihak industri terutamanya berkaitan dengan fokus universiti.

"Kami telah berjaya meyakinkan pihak RMC mengenai prospek kajian ini dan berjaya memperoleh peruntukan berjumlah RM81,700 untuk tempoh setahun bagi menjalankan penyelidikan."

■ Profesor Madya Shaikh Nasir Shaikh Abdul Rahman